

**FAKTOR-FAKTOR PERANCANGAN YANG MEMPENGARUHI  
PENGUNAAN BASIKAL DI DALAM KAWASAN PERUMAHAN TAMAN  
MUTIARA RINI**

FARINEE BINTI AINEE

Laporan Projek Sarjana Muda ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah  
Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

## ABSTRAK

Penggunaan basikal dikatakan sebagai kenderaan untuk masa hadapan kerana ia mengambil masa yang singkat untuk tiba ke sesebuah destinasi berjarak pendek dan sederhana, tidak menelan kos yang banyak serta tidak mencemarkan alam sekitar. Di luar negara, penggunaan basikal adalah menyeluruh; contohnya, dalam kawasan kejiranan, pusat bandar dan lain-lain. Walaupun, Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun, namun, penggunaan basikal kurang mendapat sambutan. Ini kerana faktor-faktor penting dalam usaha menggalakkan orang ramai sering kali diabaikan. Kajian ini akan menggunakan kawasan kejiranan di Taman Mutiara Rini di Skudai, Johor sebagai kawasan kajian. Terdapat beberapa isu yang mempengaruhi kadar penggunaan basikal di kawasan kejiranan ini. Isu-isu utama adalah berkaitan keengganan orang ramai untuk berbasikal walaupun kemudahan laluan basikal telah disediakan dan isu jaminan keselamatan penunggang basikal untuk berbasikal di dalam kawasan perumahan ini. Kajian ini akan mengenal pasti sama ada terdapat permintaan untuk berbasikal di kawasan kejiranan ini, ciri-ciri guna tanah yang dapat menggalakkan aktiviti berbasikal di dalam kawasan kejiranan ini dan mengetahui sama ada faktor-faktor persekitaran di Taman Mutiara Rini selamat untuk aktiviti berbasikal atau sebaliknya. Hasil akhir kajian ini mendapati penduduk di Taman Mutiara Rini sanggup untuk berbasikal sekiranya jarak antara aktiviti guna tanah adalah di antara 10-25 minit mengikut destinasi yang dituju. Dalam masa yang sama, didapati faktor keselamatan bukanlah aspek utama yang dapat menggalakkan golongan yang memiliki basikal untuk berbasikal di dalam kejiranan ini, manakala, golongan yang tidak memiliki basikal beranggapan faktor keselamatan adalah faktor utama yang dapat menggalakkan mereka untuk berbasikal. Kajian ini turut memberi cadangan untuk membantu pihak pemaju serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk lebih peka akan keperluan-keperluan minimum yang perlu disediakan untuk menggalakkan orang ramai berbasikal di dalam kawasan kejiranan.

## ABSTRACT

Bicycle is considered as one of future transportation mode. It is so because of the great advantage such as faster and convenience to people for a short and medium distance, low cost and good for environment. In the oversea countries, the bicycle usage is comprehensive, such as in the neighbourhood area, city centre, etc. Even though Malaysia is one of the most rapid developing countries, bicycling usage is not very popular. It is because of the negligence of the important factors in effort to encourage a person to cycling. The study is conducted in Taman Mutira Rini at Skudai, Johor. There are several issues related to the bicycling rate in the neighbourhood area. The highlighted issues are related to people refusal to bicycling even though the bicycle lane is provided as well as the assurance of cyclist's safety. The study will identify whether there is any requirement to cycling in the neighbourhood, know the land use characteristics that can encourage people to cycling and discover whether the environment in Taman Mutiara Rini is safe for the cyclist or not. The study finds out that resident in Taman Mutiara Rini willing to cycling if the distance is between 10-25 minutes referring to the destination. Simultaneously, people who owned bicycle feels that safety aspect is not the main factor that encourage them to cycling in Taman Mutiara Rini which is unlike with people disowned their own bicycle. The study also will give some suggestions that can assist developer as well as local authority to be more alert on the provision of basic requirements in order to encourage people to cycling in this neighbourhood area.